



## "JANGAN BERPECAH BELAH".1

<p>الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ: إِنَّ هَذِهِ أُمَّتُكُمْ أُمَّةً وَاحِدَةً وَأَنَا رَبُّكُمْ فَاعْبُدُونِ ۚ</p>	2
<p>أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ</p>	3
<p>. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ، أُوصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَتَأَيُّبُ الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.</p>	4
<p><b>Muslimin yang dirahmati Allah sekalian,</b></p> <p>Marilah kita bersama-sama meningkatkan ketakwaan kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan meniggalkan larangan-Nya. Semoga kita beroleh kejayaan di dunia dan di akhirat.</p>	5
<p>Marilah kita menghayati khutbah pada hari ini yang bertajuk "<b>JANGAN BERPECAH BELAH</b>".</p> <p><b>Hadirin yang dimuliakan Allah SWT,</b></p>	6
<p><b>Hadirin yang dimuliakan Allah SWT,</b></p> <p>Sesungguhnya manusia tidak mampu hidup bersendirian. Bahkan manusia memerlukan orang lain untuk meneruskan hidup dan mengharungi cabaran. Setiap individu membentuk keluarga, dan seterusnya setiap keluarga pula membentuk satu ummah. Hidup bersama bantu-membantu mendapat kebaikan dan teguh bersama menolak kerosakan dan kemudharatan, hingga beroleh keharmonian.</p>	7



<p>Alhamdulillah, segala puji bagi Allah yang telah menjadikan kita satu ummah dengan pegangan akidah yang sama. Firman-Nya dalam surah al-Anbiyaa' ayat 92 sebagaimana yang dibacakan dalam muqaddimah khutbah kita sebentar tadi, yang bermaksud:</p> <p><i>"Sesungguhnya agama Islam inilah agama kamu, agama yang satu asas pokoknya, dan Akulah Tuhan kamu; maka sembahlah kamu akan Daku".</i></p>	8
<p>Dengan bimbingan dan pimpinan Rasulullah SAW, di atas pasak kebenaran dan petunjuk rabbani, terbentuknya satu ummah. Ia adalah asas yang dibina kukuh berdasarkan ketinggian prinsip-prinsip yang jelas.</p>	9
<p>Diriwayatkan daripada Abu Nadhrah Radhiallahu Anhu bahawa Nabi SAW bersabda:</p> <p>يَا أَيُّهَا النَّاسُ، أَلَا إِنَّ رَبَّكُمْ وَاحِدٌ، وَإِنَّ أَبَاكُمْ وَاحِدٌ، أَلَا لَا فَضْلَ لِعَرَبِيٍّ عَلَى عَجَمِيٍّ، وَلَا لِعَجَمِيٍّ عَلَى عَرَبِيٍّ، وَلَا أَحْمَرَ عَلَى أَسْوَدَ، وَلَا أَسْوَدَ عَلَى أَحْمَرَ، إِلَّا بِالتَّقْوَى</p>	10
<p><i>"Wahai manusia, ketahuilah sesungguhnya Tuhan kamu adalah satu, dan bapa kamu adalah satu. Tiada kelebihan bagi orang Arab ke atas orang 'ajam (bukan Arab), dan tiada kelebihan orang 'ajam ke atas orang Arab, tiada kelebihan orang berkulit putih ke atas orang berkulit hitam dan tiada kelebihan orang berkulit hitam ke atas orang berkulit putih melainkan dengan takwa.</i></p> <p>(Riwayat Ahmad)</p>	11



<p><b>Muslimin yang dirahmati Allah,</b></p> <p>Di atas dasar kesatuan aqidah inilah, yang berteraskan pegangan Ahlissunnah Waljama'ah, umat Islam wajib bersatu dan tidak berpecah belah. Bersatunya umat Islam adalah kekuatan dan kemuliaan. Tetapi ia mestilah menurut petunjuk Allah, bukan kerana balasan dunia, harta atau pangkat.</p>	12
<p>. Firman Allah SWT dalam surah Ali Imran ayat 103:</p> <p>وَأَعْتَصِمُوا بِحَبْلِ اللَّهِ جَمِيعًا وَلَا تَفَرَّقُوا وَاذْكُرُوا نِعْمَتَ اللَّهِ عَلَيْكُمْ إِذْ كُنْتُمْ أَعْدَاءً فَأَلَّفَ بَيْنَ قُلُوبِكُمْ فَأَصْبَحْتُمْ بِنِعْمَتِهِ إِخْوَانًا</p>	13
<p><i>“Dan berpegang teguhlah kamu sekalian kepada tali Allah (agama Islam) dan janganlah kamu bercerai berai, dan kenangkanlah nikmat Allah kepada kamu ketika kamu bermusuh-musuhan (semasa Jahiliah dahulu), lalu Allah menyatukan di antara hati kamu (sehingga kamu bersatu padu dengan nikmat Islam), maka menjadilah kamu dengan nikmat Allah itu orang-orang Islam yang bersaudara.”</i></p>	14
<p>Perintah Allah untuk bersatu padu merupakan satu kewajipan. Manakala perpecahan pula merupakan satu larangan. Berkenaan ayat tersebut Imam al-Qurtbi (671H) dalam tafsirnya menyatakan:</p> <p>فَإِنَّ اللَّهَ تَعَالَى يَأْمُرُ بِالْأُلْفَةِ وَيَنْهَى عَنِ الْفُرْقَةِ فَإِنَّ الْفُرْقَةَ هَلَكَةٌ وَالْجَمَاعَةُ نَجَاةٌ</p>	15
<p><i>“Sesungguhnya Allah Taala memerintahkan dengan kesatuan dan melarang daripada perpecahan. Sesungguhnya perpecahan itu adalah kehancuran dan jemaah (kesatuan) itu adalah selamat (kejayaan)”.</i></p>	16



<p><b>Hadirin Jumaat sekalian</b></p> <p>Kita telah menyaksikan bahana perpecahan dalam kalangan umat Islam yang membawa kehancuran. Bacalah dan belajarlah daripada sejarah kejatuhan kerajaan Abbasiyah. Renungi dan insafilah bagaimana sakit dan deritanya kejatuhan Empayar Othmaniah.</p>	17
<p>Buanglah perasaan tamak, benamkanlah sikap dengki dan dendam kesumat. Kuburkanlah sifat pentingkan diri sendiri. Semuanya adalah musuh kesatuan umat Islam, selain menjadikan kita lemah dalam segenap aspek kehidupan dunia termasuk aspek kekuasaan, sosio ekonomi dan bernegara, lebih malang perpecahan akan mengheret kita pula ke lembah kemurkaan Allah SWT di akhirat nanti.</p>	18
<p>Semua itu, pernah diperingatkan oleh baginda Nabi SAW sejak sekian lama, kerana ia adalah penyakit umat terdahulu yang akhirnya membawa kehancuran. Diriwayatkan daripada al-Zubair bin al-'Awwam Radhiallahu Anhu bahawa Nabi SAW bersabda:</p> <p>دَبَّ إِلَيْكُمْ دَاءُ الْأُمَّمِ قَبْلَكُمْ: الْحَسَدُ وَالْبَغْضَاءُ، هِيَ الْحَالِقَةُ، لَا أَقُولُ تَخْلِقُ الشَّعْرَ وَلَكِنْ تَخْلِقُ الدِّينَ</p>	19
<p><i>"Penyakit umat sebelum kamu telah menyerap masuk ke dalam kalangan kamu, iaitu hasad dengki dan persengketaan, ia adalah pencukur. Aku tidak mengatakan ia mencukur rambut, akan tetapi ia mencukur agama".</i></p> <p><i>(Riwayat al-Tirmizi).</i></p>	20



<p>Apabila sesama umat Islam berdengki, khianat kepada agama, saling jatuh-menjatuhkan, tergamak menyokong musuh dan sanggup menggadaikan maruah orang Islam, maka keharmonian akan musnah. Negeri dan negara ini bakal runtuh, segala pencapaian akan jatuh dan kemajuan kita akan tersungkur. Persis seperti pisau pencukur yang menghilangkan rambut di kepala. Wal'iyazu billah.</p>	21
<p><b>Hadirin yang dirahmati Allah sekalian,</b></p> <p>Awas, dengan segelintir manusia yang suka menjadi batu api, menabur fitnah dan suka menanam sifat kebencian. Segala maklumat yang disebarkan langsung tidak bersandarkan ilmu dan fakta, jauh sekali untuk melakukan tabaiyun. Mereka inilah yang akan menanggung di air keruh. Mereka jugalah yang akan mendapat laba keuntungan di atas perpecahan umat Islam.</p>	22
<p>Justeru, uruslah perselisihan yang timbul dengan penuh hikmah. Walaupun ia berpunca daripada sebab yang sangat kecil dan remeh, tetapi jika dibiarkan ia bakal membarah. Ambillah pedoman daripada peringatan dalam al-Qur'an yang menyeru kita agar menjauhi sikap persengketaan dan berbantah-bantah yang membawa kehinaan dan kelemahan.</p>	23
<p>. Firman Allah SWT dalam surah al-Anfal ayat 46:</p> <p>وَأَطِيعُوا اللَّهَ وَرَسُولَهُ وَلَا تَنَازَعُوا فَتَفْشَلُوا وَتَذْهَبَ رِيحُكُمْ وَأَصْبِرُوا إِنَّ اللَّهَ مَعَ الصَّابِرِينَ ٤٦</p>	24
<p><i>"Dan taatlah kamu kepada Allah dan Rasul-Nya, dan janganlah kamu berbantah-bantah, kalau tidak nescaya kamu menjadi lemah semangat dan hilang kekuatan kamu, dan sabarlah (menghadapi segala kesukaran dengan cekal hati), sesungguhnya Allah berserta orang-orang yang sabar".</i></p>	25



<p>Kekuatan dan kekuasaan kita akan hilang sekiranya kita terus bersengketa dan berpecah belah. Musuh tidaklah terlalu kuat, tetapi kelemahan dan perpecahan kita sesama sendiri yang menyebabkan musuh menguasai dan menentukan sikap dan tatacara kehidupan kita.</p>	26
<p>Oleh itu, marilah kita bersatu atas dasar akidah Islam yang pasti dan disimpulkan. Bersatu dalam apa juga situasi, bersatu teguh menghadapi persekitaran dan ancaman musuh yang terang dan terselindung. Bersatunya umat Islam adalah kekuatan paling dasar, mengikut garis rentas kalimah لا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ, prinsip-prinsip penegasan al-Qur'an dan al-Sunnah serta prinsip persaudaraan Islam yang kukuh ke arah pembinaan Khaira Ummah (umat terbaik).</p>	27
<p><b>Hadirin Jumaat sekalian,</b></p> <p>Ayuh kita kukuhkan tali persaudaraan Islam dan jangan berpecah belah. Kita jadikan rumah-rumah Allah (masjid dan surau) di seluruh negeri ini sebagai pusat pengupayaan kesatuan ummah yang mampan dan utuh. Saf yang kita luruskan ketika solat berjemaah mengikut imam dalam segala rukun solat, hakikat saf yang rapat, ini jugalah yang perlu kita pamerkan ketika kita berada di tengah-tengah masyarakat. Terus bersama dalam apa juga keadaan sukar mahupun senang. Kelas-kelas pengajian ilmu yang kita perolehi pula adalah menjadi asas pengetahuan dan tindakan ke arah perpaduan yang lebih ampuh. Gunakan media sosial seperti Whatsapp dan Instagram untuk luaskan seruan kesatuan dan ukhuwwah. Kita mampu berubah daripada perbalahan kepada perdamaian, dan daripada persengketaan kepada saling hormat-menghormati. Semoga Allah merahmati kita semua.</p>	28



<p>Mengakhiri khutbah kali ini, khatib ingin berpesan kepada hadirin sekalian agar mengambil pedoman-pedoman berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"><li>1. Umat Islam hendaklah mensyukuri nikmat persaudaraan Islam yang berdiri di atas akidah mengEsakan Allah, bertunjangan kalimah tauhid bersumberkan wahyu al-Quran dan al-Sunnah serta Ijma' dan Qiyas.</li><li>2. Umat Islam wajib bersatu padu dan mesti menjaga kesatuan ummah, seterusnya meninggalkan perpecahan dan berbantah-bantah.</li><li>3. Umat Islam dengan semangat persaudaraan Islam hendaklah terus berdoa dan bermunajat kepada Allah SWT agar wabak COVID-19 segera diangkat.</li></ol>	29
<p>أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ إِنَّمَا الْمُؤْمِنُونَ إِخْوَةٌ فَأَصْلِحُوا بَيْنَ أَخَوَيْكُمْ وَاتَّقُوا اللَّهَ لَعَلَّكُمْ تُرْحَمُونَ ۝</p>	30
<p><i>"Sebenarnya orang-orang yang beriman itu adalah bersaudara, maka damaikanlah di antara dua saudara kamu (yang bertelingkah) itu, dan bertaqwalah kepada Allah supaya kamu beroleh rahmat".</i></p> <p>(al-Hujurat : 10).</p>	31
<p>بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.</p>	32
<p>أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، فَأَسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.</p>	33



## KHUTBAH KEDUA

1	الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ الطَّيِّبَاتِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.
2	اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ ۖ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.
3	أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.
4	Dalam usaha kita memutuskan rantaian Covid-19 ini, setiap Jemaah diminta terus berdisiplin dan wajib mematuhi Prosedur Operasi Standard (SOP) yang telah ditetapkan oleh pihak JAIS khususnya mengambil wuduk di rumah, membawa sejadah masing-masing, memakai pelitup muka (face mask) ketika hadir di Masjid dan Surau serta mengamalkan penjarakan sosial. Bagi mereka yang tidak sihat adalah dilarang sama sekali untuk melaksanakan solat di Masjid dan Surau.
5	اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ.
6	اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ، وَنَسْأَلُكَ بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى أَنْتَحَفِظَ بِعَيْنِ عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةِ وَبِحِفْظِ وَقَائِكَ الصَّمَدَانِيَّةِ،
7	جَلَالَةَ مَلِكِنَا الْمُعَظَّمِ سُلْطَانَ سَلَغُورِ، سُلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ ادريس شاه الحاج ابن المرحوم سُلْطَانَ صَلَاحِ الدِّينِ عبد العزيز شاه الحاج.
8	اللَّهُمَّ أَدِمِ الْعُونَ وَالْهُدَايَةَ وَالتَّوْفِيقَ، وَالصِّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لَوْلِيِّ عَهْدِ سَلَغُورِ، تَعَاوَى أَمِيرِ شَاهِ ابْنِ السُّلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ ادريس شاه الحاج





<p>فِي أَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ بِمَنِّكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ. اللَّهُمَّ أَطْلُ عُمْرَهُمَا مُصْلِحِينَ لِلْمَوْظِفِينَ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ، وَبَلِّغْ مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ الْهُدَى وَالرَّشَادِ.</p>	9
<p>Ya Allah, Engkaulah Tuhan yang Maha Berkuasa, kami bersyukur kehadiran-Mu yang telah mengurniakan rahmat dan keberkatan kepada negeri ini yang terus sejahtera dan maju, serta rakyatnya bersatu padu, dibawah naungan dan pimpinan raja kami sebagai Ketua Agama Islam di negeri ini. Ya Allah, lindungilah kami daripada bala bencana dan wabak penyakit seperti Covid-19.</p>	10
<p>اللَّهُمَّ يَا دَافِعَ الْبَلَاءِ، اِدْفَعْ عَنَّا هَذَا الْوَبَاءَ وَالْبَلَاءَ وَالْمَرَضَ وَالشَّدَائِدَ وَالْمِحْنَ، بِطُفِكَ يَا لَطِيفُ إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ وَبِالْإِجَابَةِ جَدِيرٌ.</p>	11
<p>رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ وَأَجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا. رَبَّنَا ءَاتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.</p>	12
<p>عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ ۚ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٩١﴾</p>	13
<p>فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُوهُ عَلَىٰ نِعَمِهِ ۖ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ ۗ يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ ۗ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.</p>	14